

Kata Ganti Nama dan Representasi Identiti Pewacana Parlimen

Pronouns and Identity Representations of Parliamentary Speakers

*DAYANG SARIAH ABANG SUHAI¹
KESUMAWATI ABU BAKAR²
NORSIMAH MAT AWAL²

¹Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak,
94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia

²Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

*Corresponding author: asdsariah@unimas.my

Published online: 25 May 2023

To cite this article: Dayang Sariah Abang Suhai, Kesumawati Abu Bakar and Norsimah Mat Awal. 2023. Kata ganti nama dan representasi identiti pewacana parlimen. *KEMANUSIAAN the Asian Journal of Humanities* 30(1): 124–148. <https://doi.org/10.21315/kajh2023.30.1.7>

To link to this article: <https://doi.org/10.21315/kajh2023.30.1.7>

Abstract. *In a discourse of political interaction, the use of pronouns can indirectly reflect the identity of the speakers involved, specifically the government's or opposition's member of parliament. Besides being used to refer to a person, personal pronouns (PP) can describe the form of social relationship built between the speakers and the audience. This study aims to identify the form of the first personal pronoun utilised by government and opposition discourse as well as explain the identity highlighted through the use of PP based on critical discourse analysis approach. The text of the 2019 Budget debate is used as study data. A preliminary review of this study found that in both government and opposition discourse, the use of singular first PP "saya" is dominant compared to the use of plural first PP. For the plural PP, the use of "kita" inclusively is dominant in the opposition, while the use of "kita" exclusively is dominant in the government. Similarly, both discourses are seen trying to "stand out" on their own, stand up, have a personal touch, and even try to get closer to their target audience. In comparison, the opposition emphasises the nature of belonging and togetherness with its discourse audience, while the government emphasises the nature of party which is seen as trying to strengthen the party's position as the "new ruler" in the new Malaysian parliament.*

Keywords and phrases: *personal pronouns, parliamentary discourse, government, opposition, identity*

Abstrak. Dalam wacana interaksi politik, penggunaan kata ganti nama dalam ujaran secara tidak langsung dapat mencerminkan identiti pewacana yang terlibat, khususnya ahli parlimen kerajaan dan pembangkang. Selain berfungsi sebagai perujukan, pemanfaatan kata ganti nama diri (KGND) dapat menggambarkan bentuk hubungan sosial antara pewacana dan khalayaknya. Kajian ini bertujuan mengenal pasti bentuk KGND pertama yang dimanfaatkan oleh pewacana kerajaan dan pembangkang serta menjelaskan identiti yang diserlahkan menerusi penggunaan KGND berpaksikan pendekatan analisis wacana kritis. Teks perbahasan Belanjawan 2019 dijadikan data kajian. Tinjauan awal mendapati kedua-dua pewacana mendominasi penggunaan KGND pertama tunggal “saya” berbanding KGND pertama jamak. Bagi KGND jamak, pembangkang mendominasi “kita” inklusif, sebaliknya kerajaan mendominasi “kita” eksklusif. Secara persamaan, kedua-dua pewacana dilihat cuba “menonjolkan diri” secara sendirian, berpendirian, mempunyai sentuhan peribadi, dan juga cuba merapatkan diri dengan khalayak sasarannya. Secara perbandingan, pembangkang menyerlahkan sifat kekitaan dan kebersamaan dengan khalayak wacananya, manakala kerajaan lebih menyerlahkan sifat kepartian yang cuba mengukuhkan kedudukan parti selaku “pemerintah baharu” di Parlimen Malaysia Baharu.

Kata kunci dan frasa: kata ganti nama diri, wacana parlimen, kerajaan, pembangkang, identiti

Pengenalan

Parlimen merupakan institusi yang khusus untuk bercakap, yakni tempat untuk ahli-ahli parlimen membahaskan cadangan perundangan dan meneliti kerja-kerja kerajaan melalui mempersoalkannya, dan menjadi medan bagi kerajaan untuk menjelaskan dan mewajarkan dasar-dasar mereka (Bayley 2004). Dalam mana-mana institusi parlimen, sesi persidangan atau mesyuarat parlimen sering mendapat perhatian banyak pihak antaranya para pemerhati politik, wartawan, rakyat, dan termasuklah para penyelidik. Perhatian yang diberikan bukan sahaja meneliti dasar-dasar, hujah-hujah dan ideologi yang disampaikan oleh kedua-dua pihak parlimen, malahan peristiwa bahasa yang direpresentasikan turut menjadi perhatian penyelidik, khususnya bidang linguistik. Hal ini demikian kerana dalam peristiwa bahasa, adanya maksud sosial yang tersirat dan bukan menampilkan aktiviti berbahasa semata-mata (Idris 2011). Dayang Sariah, Kesumawati dan Norsimah (2020) pernah menyatakan peristiwa bahasa melibatkan cara-cara ahli-ahli politik menguruskan bahasa secara individu, organisasi atau institusi untuk tujuan tertentu yang pastinya diamati dan dinilai oleh khalayak wacananya. Dalam pada itu, Rohaidah, Madiawati dan Maizira (2019) turut berpandangan bahawa kemahiran memanfaatkan bahasa sangat penting bagi seseorang pemimpin kerana melalui wacananya dapat ditafsirkan pelbagai perkara termasuklah soal identiti. Jelaslah, pemanfaatan bahasa dalam wacana kumpulan perwakilan parti secara tidak langsung merefleksikan identiti kumpulannya sebagai wakil parti mahupun ahli parlimen.

Dalam konteks perbahasan parlimen, unsur penting yang menjadi medium atau pengantara komunikasi atau penyampaian hujah sehingga menjadi tarikan, perbalahan dan pelbagai reaksi kedua-dua pihak yang berlawanan interaksi, khususnya kerajaan dan pembangkang adalah linguistik atau bahasa yang digunakan. Peranan linguistik atau bahasa dalam arena perbahasan parlimen yang juga merujuk arena politik sememangnya tidak dapat dinafikan kepentingannya. Hal ini sependapat dengan pandangan Idris (2014) yang menyatakan bahawa peranan bahasa sangat penting dalam arena politik dan juga kerajaan. Tambahan pula, menurut beliau, perbezaan politik sering dikaitkan dengan perbezaan dalam berbahasa dan pertarungan politik diperlihatkan melalui bahasa pihak mana yang lebih dominan. Harshita et al. (2020) turut menegaskan bahawa kebijaksanaan pemimpin dalam berbahasa merupakan cara untuk menarik perhatian dan kepercayaan khalayak terhadap hujahan yang disampaikan. Maka, tidak hairanlah bahasa dalam arena politik kian mendapat perhatian para penyelidik linguistik mutakhir ini kerana adanya proses sosial yang tersirat dalam wacananya. Misalnya, menurut Ilie (2010, 64), “Parliamentary interaction exhibits a permanent competition for power and leadership roles, but also for fame and popularity as concrete manifestations of MPs’ public image”. Selain daripada itu, bahasa dalam manifesto menunjukkan adanya proses pemerolehan kuasa (Idris 2014) manakala bahasa dalam ucapan pemimpin pula sebagai pembina identiti (Rohaidah, Madiawati dan Maizira 2019), dan bahasa dalam perbahasan parlimen sebagai penunjuk hubungan sosial (Dayang Sariah, Kesumawati dan Norsimah 2020) dan banyak lagi. Jelaslah bahawa bahasa menjadi wardah kesampaian matlamat politik masing-masing dan juga menjadi cerminan identiti kumpulan yang diwakili.

Dalam konteks makalah ini, bahasa yang dimaksudkan adalah merujuk wacana perbahasan Belanjawan 2019 yang disampaikan oleh kedua-dua pihak: ahli parlimen kerajaan dan ahli parlimen pembangkang di Dewan Rakyat Parlimen Malaysia. Fokus penelitian adalah analisis perspektif linguistik, iaitu mentafsirkan pemanfaatan bahasa dengan refleksi identiti (praktis sosial) pewacana pemimpin. Tujuan makalah ini adalah untuk menghuraikan bentuk kata ganti nama diri (KGND) pertama yang diungkapkan oleh pewacana ahli parlimen kerajaan dan ahli parlimen pembangkang semasa perbahasan Belanjawan 2019. Seterusnya, kepelbagaian dan kekerapan penggunaan KGND ditafsir dan dikaitkan dengan identiti kumpulan pewacana ahli parlimen kerajaan dan ahli parlimen pembangkang.

Sorotan Kajian

Dalam makalah ini, perbincangan terhadap kajian literatur dikelompokkan kepada dua bahagian, iaitu kajian lepas yang meneliti wacana parlimen dan kajian yang meneliti unsur penggunaan KGND. Kajian lepas wacana parlimen luar mahupun dalam negara telah banyak diteliti, namun fokus penelitian adalah pelbagai. Misalnya, Tsakona (2012) telah meneliti aspek retorik dalam wacana Parlimen Yunani (Greek). Hasil penelitian, Tsakona (2012) mendapati penggunaan bahasa kreatif oleh ahli-ahli parlimen Yunani, iaitu pengulangan (*repetition*), paralelisme (*parallelism*), aliterasi (*alliteration*), rima (*rhyme*), paronomasia atau permainan kata (*punning*), hiperbola (*hyperbola*), metafora (*metaphor*), simpulan bahasa (*idioms*) dan peribahasa (*proverbs*) sebagai satu cara mereka menyatakan kritikan dan pembinaan identiti parti secara kolektif. Kajian Every dan Augoustinos (2007) pula menumpukan kepada isu perkauman yang dimanifestasikan dalam wacana Parlimen Australia. Isu perkauman yang dibincangkan adalah berkaitan pemohon suaka, pelarian (*refugees*) dan pendatang (*immigrants*) yang dinyatakan secara halus atau tidak ketara oleh ahli-ahli politik (ahli parlimen). Kirkwood (2017) pula telah memerihal “krisis” pelarian Eropah yang terkandung dalam lima teks perbahasan Parlimen UK dari September 2015 hingga Januari 2016 dengan menggunakan analisis psikologi diskursif. Sementara itu, Cheng (2015) meneliti isu pengharaman pembinaan menara (masjid) di Switzerland dalam teks perbahasan Parlimen Switzerland.

Asmah (2003) pula melalui kajian bertajuk *Power Relations in Parliamentary Debates* telah melihat aspek retorik yang terkandung dalam Hansard dari Mei hingga Julai 2001, Parlimen Malaysia. Kajian Muhamad Fuzi (2008) meneliti kekerapan kandungan soalan yang dikemukakan oleh pihak pembangkang di Dewan Rakyat Parlimen Malaysia menerusi data perbahasan dari tahun 1982 hingga 2003. Sementara itu, kajian Yoong (2010) turut meneliti aspek bahasa interaksi tertib (*orderliness*) dan tidak tertib (*disorderliness*) dalam wacana Sesi Soalan (*Question Time*) pada Ogos 2006 di Parlimen Malaysia.

Selain itu, kajian Kim et al. (2017) telah meneliti penggunaan bahasa samar yang diungkapkan oleh ahli-ahli politik semasa persidangan Parlimen Malaysia. Data korpus Hansard yang dibandingkan adalah antara tahun 1970 sehingga tahun 1979 dan tahun 2000 sehingga tahun 2009. Kategori bahasa samar yang dikaji ialah kata hurai adjuntif “dan lain-lain” dan “dan sebagainya”, serta frasa kata hurai disjuntif “atau sebagainya” dan “atau lebih” yang dilihat mempunyai gaya bahasa yang signifikan dalam parlimen. Kajian Muhammad Faizul dan Mohd Azidan (2020) pula telah melihat strategi wacana yang digunakan dalam teks ucapan Belanjawan

2019 di Parlimen Malaysia. Fokus kajian ini menjurus kepada cara bahasa diolah oleh organisasi politik secara strategik dan disampaikan dalam bentuk laporan belanjawan kepada kelompok masyarakat sasaran. Seterusnya, kajian Dayang Sariah, Kesumawati dan Norsimah (2020) telah meneliti aspek modaliti menerusi data teks perbahasan parlimen. Kajian ini dilihat mula membuat perbandingan secara serentak antara pewacana ahli parlimen kerajaan dengan ahli pembangkang Parlimen Malaysia. Kajian-kajian tersebut dilihat telah cuba melihat peranan bahasa di institusi parlimen sebagai kajian linguistik yang penting mutakhir ini. Dayang Sariah, Kesumawati dan Norsimah (2020) turut menyatakan bahawa kajian bahasa di parlimen sudah mula diberi perhatian para penyelidik kerana sedar akan fungsi penggunaan bahasa dalam dunia nyata dapat menyelongkar praktis sosial ahli-ahli politik dalam memanfaatkan bahasa.

Seterusnya, perbincangan menjurus kepada tinjauan terhadap kajian-kajian lepas yang meneliti unsur penggunaan KGND melalui wacana politik. Antara kajian tersebut ialah kajian Idris (2011; 2014), Yoong (2011) dan Rohaidah, Madiawati dan Maizira (2019). Kajian-kajian berkenaan turut membincangkan unsur kata ganti nama yang dimanfaatkan dalam data wacana politik yang dikaji dengan matlamat kajian yang pelbagai. Idris (2011) mengkaji bahasa, yakni cara serta sebab bahasa diuruskan dan berfungsi dalam proses memimpin dengan fokus penelitian terhadap ucapan sulung pemimpin baharu. Kajian beliau turut meneliti penggunaan KGND “saya” dan “kita” yang dimanfaatkan dalam ucapan sulung Dato’ Sri Najib Razak selepas dilantik menjadi Perdana Menteri Malaysia pada 3 April 2009. Dalam kajian tersebut, beliau mendapati KGND “saya” dan “kita” yang digunakan oleh Najib adalah untuk menyatakan “dirinya sendiri” dan “dirinya bersama rakyat”.

Kajian Idris (2014) meneliti cara bahasa dimanifestasikan dalam penghasilan manifesto politik. Tumpuan kajian Idris ini adalah data manifesto parti Barisan Nasional dan Pakatan Rakyat semasa Pilihan Raya Umum ke-13. Dalam kajian berkenaan, Idris turut meneliti penggunaan kata nama dan kata ganti nama sebagai kata rujukan utama yang terdapat dalam kedua-dua manifesto yang dikaji. Hasil penelitian, beliau mendapati kata rujukan kurang atau tidak formal (merujuk KGND pertama “kita”, “kami” dan “saya”) lebih banyak dimanfaatkan dalam manifesto Barisan Nasional berbanding manifesto Pakatan Harapan. Menurut beliau, penggunaan kata rujukan yang formal atau kurang formal dapat menentukan bentuk hubungan sosial yang terbina sama ada rapat atau jarak.

Kajian Yoong (2011) meneliti penggunaan istilah kata ganti nama diri (*personal pronouns*) yang diucapkan oleh ahli-ahli parlimen dan Yang di-Pertua Dewan (*Speaker*) semasa Sesi Soalan (*Question Time*) di Dewan Rakyat, Parlimen

Malaysia. Fokus kajian beliau adalah untuk menganalisis cara ahli parlimen dan pengerusi mengamalkan penggunaan KGND dalam dua situasi, iaitu situasi tertib (*orderly*) dan tidak tertib (*disorderly*) interaksi di Dewan Rakyat. Beliau mendapati penggunaan KGND orang pertama adalah tinggi, diikuti penggunaan KGND orang ketiga, dan hanya sedikit penggunaan KGND orang kedua. Menurut beliau juga, keadaan tersebut mendedahkan bahawa ahli parlimen secara umumnya adalah tertib dalam menggunakan KGND serta mematuhi tingkah laku dalam Peraturan Mesyuarat. Amalan ketertiban interaksi tersebut menunjukkan ahli-ahli parlimen adalah objektif, tidak bersifat peribadi (*impersonal*), menghormati (*respectful*), dan bukan konfrontasi (*non-confrontational*).

Rohaidah, Madiawati dan Maizira (2019) menerusi makalah bertajuk *Pembinaan Identiti Kepimpinan dalam Wacana Politik* mengkaji penggunaan KGND pertama oleh para pemimpin dalam ucapan masing-masing. Kajian ini meneliti teks ucapan tujuh orang bekas presiden Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO), iaitu ucapan Dato' Onn Jaafar, Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak Hussien, Tun Hussien Onn, Tun Dr. Mahathir Mohamad, Tun Abdullah Ahmad Badawi dan Dato' Sri Najib Razak sebagai data kajian. Kajian Rohaidah, Madiawati dan Maizira (2019) bertujuan untuk mengenal pasti penggunaan KGND pertama oleh tujuh orang bekas presiden UMNO dalam ucapan mereka, yang seterusnya ditafsirkan perkaitan bahasa dengan identiti presiden parti politik berkenaan. Dapatan kajian mereka menunjukkan KGND pertama "saya", "kita" dan "kami" yang digunakan oleh seseorang pemimpin adalah cenderung bersifat pamer diri, keindividuan, kekitaan, kebersamaan, berkuasa dan sebagainya.

Kajian Vukovic (2012) membincangkan penggunaan KGND oleh ahli Parlimen Montenegro dalam slot ucapan dan komen. Beliau mendapati kekerapan kata ganti nama subjek dalam ucapan dan komen mempunyai perbezaan yang ketara. Dalam ucapan, kata ganti nama eksklusif *we* adalah lebih dominan, diikuti dengan kata ganti nama *I* dan *you*. Namun demikian, berbeza dalam komen, kata ganti nama *you* yang lebih banyak dimanfaatkan diikuti *I* dan *we*. Vukovic (2012) juga menyatakan bahawa situasi tersebut tidak menghairankan kerana sekiranya ahli parlimen diberi peluang untuk merancang dengan teliti ucapannya, mereka akan mempromosikan diri sebagai anggota parti sebagai *we*, manakala dalam situasi pertukaran komen, ahli-ahli politik akan lebih kerap menggunakan *I* dan *you* bagi menegaskan kedudukan mereka dan cuba mengalihkan perhatian kepada pihak sasaran (*addressee*).

Hasil daripada perincian yang dilakukan, beberapa kajian lepas telah meneliti wacana parlimen dan leksikal kata ganti nama dalam wacana politik dengan data dan matlamat kajian yang pelbagai. Daripada kajian berkenaan, kajian Rohaidah, Madiawati dan Maizira (2019) yang dilihat memberikan tumpuan secara khusus penggunaan kata ganti nama dan mengaitkannya dengan identiti kepimpinan para pemimpin utama, yakni tujuh orang bekas presiden UMNO menerusi ucapan masing-masing. Melalui kajian tersebut, jelaslah bahawa fungsi kata ganti nama dapat merepresentasikan identiti sosial pemimpin utama negara. Bertitik tolak daripada kajian berkenaan, makalah ini pula cuba merungkaikan fungsi kata ganti nama dalam wacana interaksi di parlimen dengan penelitian kepada wacana para wakil rakyat daripada kumpulan ideologi yang berbeza, iaitu perwakilan kerajaan dan pembangkang di parlimen.

Metodologi

Data kajian

Teks perbahasan Belanjawan 2019 dianalisis dengan menggunakan pendekatan kualitatif. Data wacana politik yang dianalisis ialah Hansard perbahasan Belanjawan 2019 bertarikh 12 November 2018 yang dimuat turun melalui portal rasmi Parlimen Malaysia (<https://www.parlimen.gov.my/>) pada 20 November 2018. Teks Penyata Rasmi atau Hansard ini merupakan teks berbahasa Melayu yang mempunyai 136 muka surat dan 1,209 perenggan. Teks ini adalah rakaman interaksi perbahasan parlimen di Dewan Rakyat, Parlimen Malaysia yang melibatkan pewacana ahli parlimen kerajaan (8 pembahas dan 19 pencelah), pewacana ahli parlimen pembangkang (10 pembahas dan 22 pencelah) dan Yang di-Pertua Dewan yang dibantu dua timbalannya secara bergilir. Namun begitu, untuk keperluan kajian ini, data ujaran yang dianalisis hanya melibatkan pewacana utama sahaja, iaitu ahli parlimen kerajaan dan ahli parlimen pembangkang yang mewakili dua barisan kumpulan ahli parlimen (kerajaan-pembangkang). Ujaran Yang di-Pertua Dewan tidak dianalisis kerana peranannya hanya sebagai pengendali perbahasan (Dayang Sariah, Kesumawati dan Norsimah 2020). Data kajian dilabelkan misalnya dengan label K1 dan P3, iaitu label K (mewakili pewacana “kerajaan”), label P (mewakili pewacana “pembangkang”) dan per nomboran seperti 1, 2, 3, dan seterusnya (merujuk nombor data).

Pendekatan kajian

Kajian ini berpandukan pendekatan analisis wacana kritis yang dimajukan oleh Fairclough (1992; 1995; 2003) dengan penekanan terhadap dimensi tekstual, dimensi amalan wacana serta dimensi praktis sosial. Kerangka analisis wacana

kritis Fairclough ini menekankan prinsip bahawa bahasa merupakan sebahagian daripada masyarakat (*language is a part of society*), yakni menyedari bahawa fenomena linguistik adalah sejenis fenomena sosial, dan fenomena sosial adalah sebahagian fenomena linguistik (Fairclough 1989). Dengan erti kata lain, pendekatan analisis wacana kritis memperincikan wacana untuk dua tujuan utama, iaitu merungkaikan persoalan linguistik dalam manifestasi wacana, dan pada masa yang sama peranan bahasa dirungkaikan untuk memahami persoalan kehidupan sosial masyarakat pewacana. Walaupun demikian, penelitian dalam makalah ini hanya difokuskan kepada dimensi tekstual kerana matlamat kajian ini adalah untuk menghuraikan bentuk dan menginterpretasi makna teks yang dimanfaatkan oleh pewacana atau kumpulan pewacana.

Dimensi tekstual merupakan aspek mikro amalan wacana dan menjadi asas dalam penelitian wacana kritis kerana penekanannya adalah terhadap elemen bahasa yang dikonsepsikan sebagai “textually oriented discourse analysis”. Analisis tekstual ialah analisis bentuk dan makna teks (*form and meaning analysis*), iaitu memerihai atau menghurai bentuk dan menginterpretasi makna teks, dengan tanggapan mana-mana teks dipercayai mempunyai jalinan makna “ideasional”, “interpersonal” dan “tekstual” (Fairclough 1995). Hal pentafsiran makna berkenaan dilihat berkaitan dengan salah satu prinsip asas analisis wacana kritis—bersifat interpretatif dan penjelasan—iaitu teks menjadi asas dalam penginterpretasian makna dan terbuka kepada pelbagai tafsiran, seperti yang dinyatakan oleh Fairclough (1992, 89) sebagai “meanings are produced through interpretations of texts, and texts are open to diverse interpretations”. Dengan erti kata lain, melalui analisis tekstual wacana yang berpada dan ditambah kepekaan “refleksi penyelidik sendiri”, tafsiran makna yang jelas pasti dapat ditonjolkan daripada “kepelbagaian dan kekaburan kandungan teks”, yakni terbuka kepada konteks, maklumat dan interpretasi baru yang mungkin berbeza (Idris 2010; 2014).

Bagi memerihai makna yang terjalin dalam teks, terdapat empat sifat teks yang boleh dirungkaikan, iaitu struktur teks (*text structure*), tautan (*cohesion*), perbendaharaan kata (*vocabulary*) dan nahu (*grammar*) (Fairclough 1992; 1995). Keempat-empat sifat teks tersebut mempunyai fungsi tersendiri dalam memerihai bentuk teks. Namun begitu, dalam konteks kajian ini, perbincangan terarah kepada aspek leksikalisasi. Analisis leksikalisasi atau perbendaharaan kata (*vocabulary*) yang akan diberi perhatian ialah penggunaan KGND pertama yang diujarkan oleh pewacana ahli-ahli parlimen semasa membahaskan isu Belanjawan 2019 di Dewan Rakyat. Penggunaan KGND pertama dilihat dapat mencerminkan atau merefleksikan identiti pewacana. Hal ini pernah disebut oleh Rohaidah, Madiawati

dan Maizira (2019) bahawa KGND pertama mampu membina pengidentitian seseorang pemimpin sama ada bersifat keindividuan, kekitaan, kebersamaan, berkuasa atau pamer diri.

Dalam kajian ini, analisis dilakukan secara deskriptif. Analisis deskriptif menghuraikan aspek leksikal, khususnya unsur KGND pertama yang dimanfaatkan dalam wacana politik yang seterusnya dihubungkan dengan amalan sosial identiti kumpulan perwakilan kedua-dua pihak kerajaan dan pembangkang yang mengujarkannya. Perumusan yang dibuat adalah berdasarkan kerangka yang disebut sebagai “perbezaan bahasa menggambarkan perbezaan politik dan sebaliknya” (Idris 2014, 67). Dalam kajian ini, penelitian difokuskan kepada jenis-jenis dan kekerapan penggunaan KGND pertama oleh pewacana kerajaan dan pembangkang untuk menentukan dominasi penggunaannya. Daripada situ dapatlah dijelaskan ciri penggunaannya dalam konteks perbahasan parlimen yang seterusnya dikaitkan dengan identiti pemimpin atau kumpulan pemimpin yang menjadi subjek kajian ini.

Perbincangan dan Dapatan

Fokus penelitian kajian ini adalah untuk mengenal pasti perbandingan penggunaan KGND yang dimanfaatkan oleh dua pihak pewacana yang mewakili posisi kumpulan parti berbeza yang juga wakil rakyat yang terpilih di Parlimen Malaysia. Kajian ini turut menghuraikan dan mentafsir aspek KGND yang dapat merefleksikan identiti ahli-ahli parlimen sama ada menonjolkan identiti perwakilan secara kolektif atau individu.

Data KGND pertama

Berdasarkan rincian terhadap data wacana interaksi perbahasan Belanjawan 2019, terdapat tiga bentuk KGND pertama, iaitu “saya” (termasuk *I*), “kita” dan “kami” yang dimanfaatkan oleh pewacana kerajaan dan pembangkang dengan jumlah 1,925 kali kekerapannya. Daripada jumlah berkenaan, kedua-dua pihak pewacana dilihat hampir sama banyak memanfaatkan KGND pertama dalam interaksi masing-masing. Sungguhpun begitu, pewacana kumpulan pembangkang dilihat lebih banyak memanfaatkan KGND pertama, iaitu sebanyak 997 kali atau bersamaan 51.8% berbanding pewacana kumpulan kerajaan yang sebanyak 928 kali atau 48.2%. Huraian penggunaan KGND yang dimanfaatkan dalam wacana perbahasan parlimen kerajaan dan pembangkang, dimulai dengan huraian KGND pertama “saya” ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1. Kekerapan dan peratusan KGND pertama dalam wacana perbahasan kerajaan dan pembangkang

KGND pertama	Kerajaan	Pembangkang	Σf
Saya/ <i>I</i>	496 + 11 (48%)	537 (52%)	1,033 (53.7%)
Kita (inklusif)	131 (15.6%)	277 (32.9%)	842 (43.7%)
Kita (eksklusif)	287 (34.1%)	147 (17.5%)	
Kami (bersama rakyat)	10 (20%)	16 (32%)	50 (2.6%)
Kami (parti sahaja)	4 (8%)	20 (40%)	
Jumlah keseluruhan	928 (48.2%)	997 (51.8%)	1,925

Berdasarkan jadual tersebut, penulis mendapati bahawa pewacana pembangkang mendominasi penggunaan ketiga-tiga bentuk KGND pertama berbanding kerajaan. KGND tunggal “saya” lebih banyak dijumpai dalam data, diikuti KGND jamak “kita” dan “kami”. Sekiranya dibandingkan dengan kajian Rohaidah, Madiawati dan Maizira (2019) yang meneliti pola penggunaan KGND pertama oleh pemimpin-pemimpin utama negara, iaitu tujuh orang bekas Presiden UMNO, kajian mereka menunjukkan KGND “kita” yang paling banyak dimanfaatkan, diikuti KGND “saya” dan “kami”. KGND “kita” yang mendominasi semua ucapan presiden UMNO memperlihatkan para pemimpin tidak membezakan hubungan dengan ahli-ahli UMNO dan menganggap mereka sebagai satu pasukan (Rohaidah, Madiawati dan Maizira 2019).

KGND “saya”

Hasil penelitian terhadap wacana perbahasan parlimen kerajaan-pembangkang mendapati KGND tunggal “saya” digunakan dengan lebih kerap berbanding KGND pertama yang lain, iaitu sebanyak 1,033 kali atau 53.7% penggunaan keseluruhannya. Daripada jumlah tersebut, pewacana pembangkang dilihat lebih mendominasi penggunaan KGND “saya” sebanyak 537 kali (52%) berbanding pewacana kerajaan sebanyak 496 kali (48%) penggunaannya. Meskipun pewacana pembangkang dilihat lebih banyak memanfaatkan KGND “saya” berbanding kerajaan, namun kedua-dua pihak pewacana ini sama-sama mendominasi penggunaan KGND “saya” berbanding kata rujukan ganti nama pertama yang lain dalam wacana masing-masing. Kata rujukan “saya” merujuk secara peribadi kepada diri pewacana sendiri kepada sasarannya. Penggunaan KGND “saya” disifatkan sebagai adanya sentuhan peribadi (*personal touch*) kepada sasaran (Idris 2014, 79). Menurut Idris (2011), peribadi bermakna rapat. Maka, dalam konteks

kajian ini, penggunaan KGND tunggal “saya” oleh kedua-dua pihak pewacana kerajaan dan pembangkang adalah untuk mendekatkan diri masing-masing dengan khalayak wacananya.

Meskipun KGND “saya” dilihat lebih bersifat keindividuan dan hanya merujuk diri pewacana secara individu (Rohaidah, Madiawati dan Maizira 2019) atau dianggap sebagai sikap individualistik – egoistik, sombong, berlagak, perasan dan sebagainya (Abdullah dan Ainon 2003), namun fungsi pemanfaatannya turut mempamerkan adanya keupayaan individu pewacana selaku ahli parlimen yang baru dilantik menonjolkan posisi perwakilan masing-masing sebagai ahli parlimen yang berpendirian tegas, rasa tanggungjawab dan mempunyai rasa milikan diri selaku wakil parlimen yang terpilih. Penggunaan KGND “saya” dalam wacana interaksi politik berkelompok (kumpulan parti), dapat menyerlahkan posisi pewacana ahli parlimen secara sendirian untuk menyatakan pendiriannya yang tidak dipengaruhi anggota yang lain dan juga dapat menunjukkan adanya rasa mempertanggungjawabkan diri ke atas pernyataannya yang tidak melibatkan pihak lain. “Saya” juga dimanfaatkan untuk merujuk diri pewacana sama ada sebagai wakil kerajaan ataupun pembangkang.

Contoh 1 hingga 8 merupakan contoh pemanfaatan KGND “saya” oleh para pewacana selaku ahli parlimen yang mewakili parti masing-masing dan juga wakil rakyat yang mewakili khalayak rakyat. Penggunaan KGND “saya” oleh kerajaan (rujuk Contoh 1 dan 2) dan pembangkang (rujuk Contoh 3 dan 4) secara jelas merujuk diri mereka sebagai ahli parlimen yang mewakili posisi parti masing-masing serta sebagai wakil rakyat. Misalnya dalam Contoh 1 (K1), penggunaan KGND “saya” merujuk dengan jelas posisi diri pewacana selaku pendokong parti Pakatan Harapan menerusi ujaran, “Selaku pendokong Pakatan Harapan, saya menyokong pembentangan bajet”, manakala dalam Contoh 2 (K2) merujuk dengan jelas diri pewacana selaku wakil rakyat menerusi ujarannya, “Sebagai wakil rakyat, saya ingin bertanya”. Contoh 3 (P1) pula contoh pemanfaatan KGND “saya” oleh pewacana pembangkang yang juga secara eksplisit menyatakan posisi diri pewacana adalah wakil daripada pihak pembangkang menerusi ujaran “Saya mengambil bahagian di dalam perbahasan” dan “Sebagai wakil pertama daripada pembangkang, saya akan berusaha untuk memberikan kupasan”. Penggunaan KGND “saya” dalam Contoh 4 (P2) pula menampilkan peranan diri pewacana selaku wakil parti yang berlainan dan juga wakil kepada rakyat negerinya yang secara khusus merujuk wakil orang Sabah menerusi ujaran “Walaupun saya berlainan parti” dan “Saya berbicara dalam konteks Sabah sebagai orang Sabah”.

1. K1:

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Sungai Besar mengambil peluang membahas pembentangan bajet bersejarah kali pertama Kerajaan Baharu Pakatan Harapan pada Mesyuarat Kedua Penggal Pertama Parlimen Yang Ke-14. Selaku pendokong Pakatan Harapan, sava menyokong pembentangan bajet yang sava kira pada pengamatan sava adalah perbelanjaan yang paling sukar dalam keadaan kedudukan kewangan yang sangat sukar.

2. K2:

Pemimpin lalu datang ke Sabah cuma melawat sekolah yang baik di bandar tetapi jarang sekali melawat sekolah yang daif. Sebagai wakil rakyat, sava ingin bertanya, apakah rancangan kerajaan khususnya Kementerian Kewangan dan Kementerian Pendidikan menyelesaikan masalah ini. Jangan biarkan kami di Sabah dan Sarawak seperti dianaktirikan.

3. P1:

Terima kasih di atas peluang yang diberikan untuk sava mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2019 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 2 November yang lepas. Sebagai wakil pertama daripada pembangkang, sava akan berusaha untuk memberikan kupasan secara menyeluruh terhadap belanjawan ini dalam masa yang diberikan sebelum kupasan yang lebih mendalam dalam topik-topik tertentu oleh rakan-rakan sava dari pihak pembangkang.

4. P2:

[Ketawa] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Belanjawan 2019, walaupun sava berlainan parti, berlainan ideologi dengan rakan sava daripada Papar, tetapi sava duduk tanpa melengah pun semasa dia berhujah 21 minit. Sava dengar ada poin yang perlu sava sokong untuk Kerajaan Pusat beri kepercayaan kepada kerajaan baharu di Sabah untuk melaksanakan autonomi dalam bidang pendidikan dan pembangunan luar bandar. Ini penting kerana Sabah – sava tidak cakap konteks Sarawak sebab Sarawak pun ada wakil dia. Sava berbicara dalam konteks Sabah sebagai orang Sabah.

KGND “saya” yang diwacanakan oleh kerajaan dan pembangkang adalah untuk menyatakan permintaan serta perakuannya. Hal ini membuktikan bahawa pewacana ahli parlimen yang baru dilantik turut menyerlahkan posisi perwakilan tegas masing-masing yang mahu dilihat lebih berani dan bertanggungjawab. Contoh 5 dan 6 merupakan penggunaan KGND “saya” oleh pewacana kerajaan bagi merujuk pengakuan pernyataannya sendiri (bukan memetik kata-kata orang lain) menerusi ujaran “Saya kata bila ada SST” dan “Itu yang saya sebut” (rujuk Contoh 5 [K3]) dan juga untuk menyatakan permintaan bagi pewacana sendiri (bukan mewakili kumpulannya) menerusi ujaran “Saya memohon kementerian-kementerian yang terbabit terutama sekali Kementerian Dalam Negeri” serta ujaran “Saya ingin Yang Berhormat Sungai Petani menyinggung juga anggota-anggota polis, anggota bomba dan tentera yang mana *seniority* itu mesti diangkat untuk kenaikan pangkat” (rujuk Contoh 6 [K4]). Sementara itu, KGND “saya” dalam Contoh 7 dan 8 dimanfaatkan oleh pewacana pembangkang untuk merujuk permintaan atau seruan dirinya secara peribadi kepada semua ahli parlimen yang berbahas sama ada daripada blok pembangkangnya sendiri mahupun kerajaan agar bersemangat positif menerusi ujaran “Saya juga ingin mengambil peluang ini untuk menyeru semua ahli Yang Berhormat baik rakan-rakan saya daripada pembangkang mahupun daripada pihak kerajaan agar perbahasan belanjawan pertama dalam Malaysia baharu ini bersemangat positif” (rujuk Contoh 7 [P3]). Manakala KGND “saya” dalam Contoh 8 (P4) merujuk pernyataan peribadi pewacana yang bersifat kritik kepada pihak lawan interaksi menerusi ujaran “Bila kita rujuk kembali pada perbahasan sepanjang lima tahun yang lalu, saya melihat isu-isu yang dibangkitkan oleh pihak pembangkang adalah melibatkan bajet defisit” dan “Itu juga antara perkara yang saya kritik sepanjang lima tahun yang lalu”.

5. K3:

Saya kata bila ada SST, harga akan lebih murah daripada GST. Itu yang saya sebut.

6. K4:

Jadi, saya memohon kementerian-kementerian yang terbabit terutama sekali Kementerian Dalam Negeri, seperti mana anggota polis sebagai contoh, selama 37 tahun bekerja masih lagi koperal sedangkan pengalaman mereka itu sudah meluas dan tidak boleh dinafikan atas keperkasaan ilmu mereka. Maka, saya ingin Yang Berhormat Sungai Petani menyinggung juga anggota-anggota polis, anggota bomba dan tentera yang mana *seniority* itu mesti diangkat untuk kenaikan pangkat supaya mereka lebih motivasi dan efisien dalam tugas mereka.

7. P3:

Sava juga ingin mengambil peluang ini untuk menyeru semua ahli Yang Berhormat baik rakan-rakan sava daripada pembangkang mahupun daripada pihak kerajaan...

8. P4:

Pertama sekalinya, sava mengucapkan tahniah kepada Pakatan Harapan yang telah mengemukakan bajet pada kali ini. Namun, bila kita rujuk kembali pada perbahasan sepanjang lima tahun yang lalu, sava melihat isu-isu yang dibangkitkan oleh pihak pembangkang adalah pertamanya melibatkan bajet defisit. Itu juga antara perkara yang sava kritik sepanjang lima tahun yang lalu.

Sumber: Data diperoleh daripada <https://www.parlimen.gov.my/>

KGND “kita”

Berdasarkan Jadual 1, KGND “kita” merupakan KGND yang kedua banyak dimanfaatkan oleh pewacana dalam perbahasan parlimen yang dikaji, iaitu sebanyak 842 kekerapan penggunaan bersamaan 43.7% daripada keseluruhan KGND pertama dalam data wacana. Daripada jumlah tersebut, kedua-dua pihak pewacana kerajaan dan pembangkang dilihat hampir sama banyak memanfaatkan KGND “kita” dalam wacana masing-masing, iaitu masing-masingnya 418 kali dan 424 kali. Namun demikian, sekiranya fungsi penggunaan KGND tersebut dalam data wacana diteliti, KGND “kita” inklusif lebih banyak dimanfaatkan oleh pewacana pembangkang, iaitu sejumlah 277 kali berbanding 131 kali oleh kerajaan. Sebaliknya, KGND “kita” eksklusif lebih banyak dimanfaatkan oleh pewacana kerajaan sebanyak 287 kali berbanding pembangkang dengan hanya 147 kali. Hal ini menunjukkan bahawa KGND “kita” yang dimanfaatkan segali gus dapat menyerlahkan sifat perwakilan kedua-dua pihak. Pewacana pembangkang yang mendominasi KGND “kita” inklusif lebih bersifat kekitaan atau kebersamaan dengan khalayak wacananya, sama ada dengan pihak lawan interaksi (kerajaan) dan juga dengan khalayak rakyat yang menjadi tanggungjawab semua ahli parlimen yang dipilih sebagai wakil rakyat. Sementara itu, pewacana kerajaan lebih banyak memanfaatkan bentuk KGND “kita” eksklusif secara tidak langsung dapat menyerlahkan sifat kepartian yang diutamakan dan situasi ini tidak mustahil berlaku kerana pewacana kerajaan ini dilihat baru sahaja menduduki posisi kerusi kerajaan setelah berjaya mengambil alih kuasa pemerintahan dalam era Malaysia Baharu. Keadaan ini membuktikan bahawa pewacana kerajaan cuba mengukuhkan kedudukan parti mereka selaku ahli parlimen kerajaan yang baru berkuasa di parlimen.

Dari sudut penggunaan KGND “kita” dalam wacana perbahasan para ahli parlimen, penggunaan KGND tersebut bukan sahaja untuk merujuk diri pewacana sendiri, malah turut digunakan untuk merujuk ahli parti masing-masing (sama ada kumpulan kerajaan ataupun kumpulan pembangkang) dan juga untuk merujuk kebersamaan antara kedua-dua pihak di parlimen khususnya sebagai ahli Dewan Rakyat (ahli parlimen kerajaan dan pembangkang). Selain daripada itu, KGND “kita” digunakan untuk merujuk kebersamaan pewacana dengan rakyat Malaysia atau rakyat kawasan yang diwakilinya.

Konteks wacana politik, KGND “kita” digunakan adalah untuk merujuk organisasi ataupun perkumpulan yang diwakili di parlimen, khususnya di Dewan Rakyat. Dalam konteks ini, fungsinya adalah untuk menunjukkan kesatuan, kebersamaan dan rasa perkumpulan dengan parti yang sama. Contoh 9 dan 10 seterusnya merupakan penggunaan KGND “kita” yang bersifat eksklusif, iaitu penggunaannya menyisihkan pihak lawan interaksi di Dewan Rakyat. Contoh 9 (K5) merupakan penggunaan KGND “kita” oleh kerajaan yang secara jelas merujuk kepada perkumpulan parti mereka yang terdahulu sahaja, yakni selaku pembangkang. Sementara itu, dalam Contoh 10 (P5), KGND “kita” digunakan oleh pembangkang juga secara jelas merujuk perkumpulan parti mereka yang terdahulu sahaja, iaitu Barisan Nasional yang pernah menduduki kerusi kerajaan di parlimen. Selain itu, penggunaan KGND “kita” dimanfaatkan untuk merujuk kesemua ahli parlimen di Dewan Rakyat termasuklah pihak lawan interaksi masing-masing, yakni ahli parlimen kerajaan dan pembangkang secara bersama. Contoh 11 dan 12 menunjukkan penggunaan KGND “kita” secara inklusif atau merujuk kedua-dua pihak kumpulan pemimpin dengan kumpulan pemimpin yang dilawan interaksi atau antara pewacana kerajaan dengan pembangkang secara bersama di parlimen.

9. K5:

Saya masih ingat semasa saya berada di sana iaitu semasa pembangkang.

Kita remind BN... [Disampuk]

...

Kita kata Barisan Nasional ingat. Jangan perkenalkan GST, jangan. Ini kerana di bawah sana rakyat susah. Jangan, jangan dan jangan. Akan tetapi, apa yang berlaku waktu itu? Yang Berhormat Pontian kata tidak. Perkenalkan GST, harga akan turun. [Dewan riuh] Termenung kita.

10. P5:

Saya setuju kita harus beri kepercayaan kepada kakitangan kerajaan. Dalam rekod Barisan Nasional, kepercayaan cukup tinggi kita beri kepada kakitangan kerajaan, tidak pernah pun kita blame sebagaimana kerajaan sekarang yang *blame* tidak percaya kepada kakitangan kerajaan dan sebagainya.

11. K6:

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak menyebut bahawa dapat yang telah pun diungkapkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan bahawa fokus perbelanjaan kita pada tahun 2019 ini berpaksikan kepada pertama ialah melaksanakan reformasi institusi. Memang harus ada reformasi institusi. Seperti contoh, Dewan ini sendiri – reformasi di institusi. Bagaimana 61 tahun kita buat *business* yang sama. Di mana setiap Ahli Parlimen kita berucap peringkat dasar. Bila Cokmar itu diturun, kita juga 220 orang ini juga yang berbincang kononnya dalam peringkat jawatankuasa. Kita tidak mempunyai peluang untuk betul-betul memahami apakah isi kandungan yang termaktub dalam rang undang-undang yang kita bincangkan. Kita cakap kadang benda-benda yang di luar tajuk semasa dasar dan juga semasa *committee stage*.

12. P6:

Sedikit sahaja. Satu minit. Saya tertarik dengan soal reformasi sistem Dewan. Cadangan atau pandangan daripada Yang Berhormat Sungai Petani soal mesyuarat kita di peringkat dasar dan jawatankuasa sepatutnya tidak dihadiri, diwakili oleh orang yang sama menyebabkan setiap kali kita bersidang di peringkat jawatankuasa kita hanya *endorse* apa yang dibincangkan di peringkat dasar.

Sumber: Data diperoleh daripada <https://www.parlimen.gov.my/>

Seterusnya, dalam wacana interaksi parlimen yang dikaji, penggunaan KGND “kita” inklusif turut dimanfaatkan untuk merujuk kebersamaan ahli parlimen dan rakyat. Tidak dinafikan fungsi KGND “kita” dalam wacana pihak perwakilan sememangnya adalah sebagai salah satu usaha untuk membina dan mengukuhkan identiti keperwakilan yang mahu menonjolkan sifat wakil rakyat yang berjiwa rakyat. Seperti yang pernah disebut oleh Rohaidah, Madiawati dan Maizira (2019, 398) dalam kajian mereka, pemanfaatan KGND “kita” adalah sebagai usaha seseorang pemimpin merapatkan diri dan menonjolkan nilai kebersamaan pemimpin-pengikut, terutamanya bagi ketua atau presiden yang baru dilantik mengetuai parti (dalam konteks kajian mereka merujuk presiden parti UMNO), untuk membina dan mengukuhkan identiti perwakilan yang berjiwa rakyat. Maka,

dalam konteks kajian ini pula, fungsi KGND “kita” inklusif juga dilihat sama, iaitu untuk membina dan mengukuhkan identiti ahli-ahli parlimen selaku wakil rakyat di kawasan parlimen masing-masing yang baru dipilih oleh rakyat dan pemanfaatan KGND “kita” ini dilihat mempunyai fungsi untuk merapatkan hubungan ahli parlimen dengan rakyat atau berjiwa rakyat. Berdasarkan data, penggunaan kata “kita” inklusif banyak dimanfaatkan oleh pewacana pembangkang berbanding kerajaan. Contoh 13 dan 14 merupakan contoh penggunaan KGND “kita” inklusif yang merujuk kebersamaan pemimpin dengan rakyat negara secara keseluruhan yang mempunyai rasa milikan bersama menerusi ungkapan “Keyakinan terhadap ekonomi kita” (P7) dan “Bukan sahaja harta kita dalam negeri tetapi juga luar negeri dapat dibawa balik ke negara ini” (K7). Seterusnya dalam Contoh 15 dan 16, penggunaan KGND “kita” inklusif turut menginklusifkan rakyat secara bersama, namun dalam konteks penggunaan kata tersebut, hanya melibatkan rakyat kawasan yang diwakilinya dan pada masa yang sama, mengeksklusifkan rakyat di luar kawasan parlimennya atau bersifat persempadanan. KGND “kita” dalam Contoh 15 (K8) yang diujarkan oleh pewacana kerajaan adalah merujuk secara jelas diri pewacana dan rakyat Semenanjung sahaja, tidak termasuk rakyat di Sabah dan Sarawak. Sementara itu, Contoh 16 (P8) KGND “kita” inklusif yang dimanfaatkan oleh pewacana pembangkang secara jelas merujuk rakyat di Sabah dan Sarawak sahaja. Hal ini secara tidak langsung dapat menggambarkan kebersamaan pemimpin dengan rakyat kawasan atau negeri yang diwakilinya, khususnya hal-hal yang melibatkan permasalahan dan kebajikan rakyat di kawasan yang diwakilinya. Sebagai pemimpin yang dipilih oleh rakyat menerusi pilihan raya umum, mendekatkan diri dengan rakyat melalui ambil peduli permasalahan rakyat terutama rakyat kawasan yang diwakili merupakan satu tanggungjawab dan sifat yang perlu ada pada seseorang wakil rakyat. Oleh itu, melalui penggunaan KGND jamak “kita” inklusif dapat menunjukkan adanya kebersamaan ahli parlimen dengan rakyat.

13. P7:

Pegangan pelabur asing di dalam sekuriti kerajaan, bon, menurun daripada RM211 bilion kepada RM184 bilion pada September 2018. Penurunan empat bulan berturut-turut sejak tahun 2018. Agaknya keyakinan terhadap ekonomi kita merudum di kalangan pelabur-pelabur asing.

14. K7:

Jadi saya mencadangkan kerajaan harus tumpu. Tidak apa, kita belanja sikit duit untuk kumpulkan *the best brain, the best lawyers, the best investigators* untuk pastikan mereka yang mencuri duit rakyat ini, skandal

mother of all scandal ini diketengahkan dan dibawa ke mahkamah supaya bukan sahaja harta kita dalam negeri tetapi juga luar negeri dapat dibawa balik ke negara ini kerana duit ini ialah milik rakyat.

15. K8:

Kita faham di Semenanjung juga ada yang susah, Terengganu, di Kedah, di Kelantan tetapi Sabah dan Sarawak ini jauh lebih susah kalau dibandingkan dengan kita.

16. P8:

Dengan itu, kita mengharapkan apa yang telah dijanjikan akan diberikan kepada kita seperti dijanjikan ataupun apa yang telah termaktub dalam peruntukan Perlembagaan dan MA63 itu ditunaikan. Itulah harapan kita khususnya di Sarawak dan Sabah. Sudah pasti mungkin kita mempunyai perbezaan untuk Terengganu dan Kelantan disebabkan perundangan yang berbeza dan kedudukan kita yang berbeza.

Sumber: Data diperoleh daripada <https://www.parlimen.gov.my/>

KGND “kami”

KGND “kami” turut dimanfaatkan oleh kerajaan dan pembangkang dalam wacana perbahasan, namun agak kurang, iaitu hanya 50 kali (2.6%). Daripada jumlah tersebut, pewacana pembangkang dilihat lebih banyak memanfaatkan bentuk KGND “kami”, iaitu sebanyak 36 kali berbanding kerajaan sebanyak 14 kali. Sekiranya maksud penggunaan KGND “kami” ditelusuri, Asmah (2015) menyifatkan “kami” sebagai KGND pertama jamak dan eksklusif, iaitu menyisihkan pihak yang dilawan interaksi. Dalam konteks kajian ini, pihak yang dilawan interaksi dalam perbahasan parlimen ialah masing-masingnya merujuk sama ada pewacana kerajaan dengan pembangkang ataupun sebaliknya. Yang menariknya, penggunaan KGND “kami” dalam wacana parlimen, bukan hanya merujuk kelompok atau kumpulan pewacana yang diwakili masing-masing di parlimen, malahan penggunaannya juga untuk merujuk diri pewacana dan juga rakyat atau kawasan yang diwakilinya selaku ahli parlimen. Dengan erti kata lain, penggunaan KGND “kami” digunakan oleh pewacana kerajaan atau pembangkang adalah untuk merujuk kebersamaannya dengan kumpulan parti masing-masing dan juga merujuk kebersamaannya dengan rakyat atau kawasan yang diwakilinya. Berdasarkan Jadual 2, penggunaan KGND “kami” yang merujuk kebersamaan pewacana dengan kumpulan parti sahaja dan kebersamaan pewacana dengan rakyat atau kawasan yang diwakilinya lebih banyak dimanfaatkan oleh pewacana pembangkang berbanding kerajaan. Kekerapan pembangkang memanfaatkan

KGND “kami” adalah sebanyak 36 kali, iaitu 20 kali digunakan untuk merujuk pewacana bersama kumpulan partinya dan 16 kekerapan lagi digunakan untuk merujuk pewacana bersama rakyat kawasan yang diwakilinya. Sementara itu, pewacana kerajaan hanya memanfaatkan KGND “kami” sebanyak 14 kali, dengan 10 daripadanya digunakan untuk merujuk pewacana bersama rakyat kawasannya dan hanya 4 kali digunakan untuk merujuk pewacana bersama parti yang diwakilinya.

Contoh 17 dan 18 merupakan contoh penggunaan KGND “kami” yang merujuk diri pewacana dan kumpulan parti yang diwakilinya. Contoh 17 (P9) digunakan oleh pembangkang untuk merujuk pihaknya selaku Barisan Nasional yang tidak sekumpulan dengannya atau pihak lawan interaksi, iaitu pihak kerajaan dari parti Pakatan Harapan. Dalam data tersebut, sebanyak tiga kali KGND “kami” diulang oleh pewacana bagi merujuk parti mereka, iaitu Barisan Nasional yang mempunyai pendirian berkenaan cadangan inisiatif ekonomi rakyat. Sementara itu, Contoh 18 (K9) merupakan contoh pemanfaatan KGND “kami” yang juga diulang sebanyak tiga kali oleh pewacana kerajaan bagi merujuk kumpulan mereka sahaja, iaitu pihak kerajaan yang sebelum ini pernah menjadi pembangkang. Contoh 19, 20 dan 21 merupakan contoh pemanfaatan KGND “kami” oleh pewacana pembangkang yang merujuk diri pewacana bersama rakyat kawasan yang diwakili. Dalam Contoh 19 (P10) dengan ujaran “Kami penduduk Sarawak”, secara jelas merujuk diri pewacana bersama rakyat Sarawak yang diwakilinya. Dalam maksud tersebut, pewacana yang juga dari kumpulan pembangkang bukan hanya menyisihkan pewacana lawannya kerajaan dalam konteks ujaran tersebut, tetapi turut menyisihkan ahli pembangkang lain yang bukan berasal dari Sarawak. Jelaslah, penggunaan “kami” dalam ujaran pewacana adalah untuk menunjukkan adanya sifat kebersamaan atau rasa tanggungjawab wakil rakyat mewakili suara rakyat di kawasan yang diwakilinya. Hal ini dilihat cuba menjarakkan diri wakil rakyat dengan kumpulan parlimennya dan dalam masa yang sama cuba mendekati dirinya dengan rakyat yang diwakilinya di parlimen. Demikian juga dengan Contoh 20 dan 21, KGND “kami” yang dimanfaatkan oleh pewacana dari pihak pembangkang secara implisit masing-masing merujuk wakil daripada parti PAS dengan ujaran “Kami daripada PAS” (Contoh 20 [P11]) dan mewakili rakyat negeri Sabah dengan ujaran “Pulangkanlah atau kembalikanlah hak eksplorasi ini kepada Sabah supaya kami boleh mengurus hasil minyak kami sendiri” (Contoh 21 [P12]). Begitu juga KGND “kami” dalam Contoh 22 hingga 24 yang dimanfaatkan oleh pewacana kerajaan untuk merujuk kata-kata yang dipetik daripada pegawai-pegawai kerajaan sahaja dengan ujaran “Akhirnya pegawai-pegawai kerajaan kata kami mentimun, Menteri durian, kami golek pun kami luka, kena golek pun kami luka” (Contoh 22 [K10]); merujuk kebersamaannya dengan rakyat Sabah dan Sarawak sahaja menerusi ujaran “Jangan biarkan kami di Sabah dan Sarawak

seperti dianaktirikan” (Contoh 23 [K11]); dan merujuk kebersamaannya dengan rakyat di kawasan Kuala Lumpur sahaja melalui ujaran “Kalau kami di Kuala Lumpur...bila kami keluar kan, sekejap kena naik atas” (Contoh 24 [K12]).

17. P9:

Barisan Nasional telah membentangkan Inisiatif Ekonomi Rakyat satu hari sebelum pembentangan belanjawan oleh kerajaan. Dalam inisiatif ini, kami mengambil semangat Pakatan Harapan dahulu semasa mereka masih pembangkang untuk membantu rakyat kelas pertengahan. Kami cadangkan *earn income tax credit* agar ibu bapa yang bekerja dengan pendapatan yang rendah mendapat kredit cukai bagi setiap anak di dalam tanggungan. Kami cadangkan *fare work commission* agar syarikat bukan hanya yang tersenarai dapat memastikan gaji yang berpatutan untuk pekerja, kami cadangkan agar gaji minimum bukan hanya pukol rata dengan penyeragaman kebangsaan tetapi diselaras mengikut lokasi dan industri.

18. K9:

Akan tetapi, kalau kita turun dan hidup seperti kami pernah hidup sebagai pembangkang. Kami tahu yang harga memang turun. Tanyalah siapa pun. Kecuali kita hidup seperti tidak mahu mengakui bahawa kami sekarang pembangkang.

19. P10:

Ini bermakna hanya 0.1 peratus daripada pertambahan tersebut diberikan kepada Sarawak selaku antara penyumbang utama kepada ekonomi Malaysia. Ini merupakan satu perkara yang amat menyedihkan bagi kami penduduk Sarawak.

20. P11:

Saya dua kali berucap di sini mengharapkan agar sama ada Kementerian Kewangan ataupun Kementerian Ekonomi menjawab dan membalas, memberi *respond* kepada cadangan kami daripada PAS terhadap cukai pegangan saham dan juga cukai simpanan korporat.

21. P12:

Jadi sekiranya Kerajaan Persekutuan ataupun Petronas tidak mampu untuk membayar royalti yang diinginkan, pulangkanlah atau kembalikanlah hak eksplorasi ini kepada Sabah supaya kami boleh mengurus hasil minyak kami sendiri. Ini kerana kita lihat ini adalah isu yang sentiasa digunakan untuk pancing undi apabila dekat pilihan raya.

22. K10:

Ini yang berlaku – berlakunya konflik di antara menteri dengan KSU, menteri dengan pegawai-pegawainya. Akhirnya pegawai-pegawai kerajaan kata kami mentimun, menteri durian, kami golek pun kami luka, kena golek pun kami luka. Akhirnya mereka kata *work through the rules*. Maksudnya apa yang berlaku ialah menteri-menteri akan membuat arahan. Ini yang berlaku.

23. K11:

Pemimpin lalu datang ke Sabah cuma melawat sekolah yang baik di bandar tetapi jarang sekali melawat sekolah yang daif. Sebagai wakil rakyat, saya ingin bertanya, apakah rancangan kerajaan khususnya Kementerian Kewangan dan Kementerian Pendidikan menyelesaikan masalah ini. Jangan biarkan kami di Sabah dan Sarawak seperti dianaktirikan.

24. K12:

Cuma, kalau kami di Kuala Lumpur, Tuan Yang di-Pertua, memang kita boleh gunakan pengangkutan awam, akan tetapi ada kelompangan dan juga kesenjangan dari segi akses untuk pejalan kaki. ... Bila saya bawa stroller bila kami keluar kan, sekejap kena naik atas, sekejap kena atas jalan dan sebagainya.

Sumber: Data diperoleh daripada <https://www.parlimen.gov.my/>

Kesimpulan

Hasil analisis terhadap wacana perbahasan Belanjawan 2019 menunjukkan pemanfaatan KGND pertama oleh pewacana kerajaan dan pembangkang menampilkan identiti masing-masing dalam wacana interaksi politik bersemuka atau dua hala antara parti politik yang berlawanan ideologi ini. Tinjauan awal kajian ini mendapati pewacana ahli parlimen kerajaan dan pembangkang sama-sama mendominasi penggunaan KGND pertama tunggal “saya”. KGND “saya” telah digunakan sebanyak 1,022 kali (53.3%) daripada keseluruhan 1,918 kali penggunaan KGND pertama dalam data wacana perbahasan Belanjawan 2019. Namun demikian, daripada jumlah tersebut, pewacana pembangkang dilihat lebih mendominasi penggunaan KGND “saya”, iaitu sebanyak 537 kali (52.5%), berbanding kerajaan sebanyak 485 kali (47.5%). Hal ini sudah tentu dipengaruhi oleh masa perbahasan yang agak panjang daripada kumpulan pembangkang kerana lebih ramai pembahasnya mengambil bahagian dalam perbahasan berbanding pewacana kumpulan kerajaan. Menariknya, kedua-dua pewacana kerajaan dan

pembangking kerap memanfaatkan KGND “saya” berbanding KGND yang lain dalam wacana, meskipun mereka berbahas mewakili parti masing-masing. Situasi ini memberi gambaran bahawa apabila diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan secara interaksi bersemuka, ahli-ahli parlimen perwakilan parti (yang bukan pemimpin utama negara) akan cuba “menonjolkan diri” secara sendiri sebagai ahli parlimen, ahli parti dan wakil rakyat. Penggunaan KGND “saya” juga secara tidak langsung menyerlahkan pendirian atau pendapatnya sendiri yang tidak dipengaruhi pihak lain termasuklah ahli pasukannya (parti) dan juga merupakan satu cara untuk mendekati diri masing-masing dengan khalayak wacananya. Hal ini menunjukkan bahawa dalam wacana interaksi politik bersemuka antara parti politik yang berlawanan ideologi, pemanfaatan KGND “saya” berupaya memperlihatkan posisi perwakilan masing-masing yang “pamer diri”, mempunyai pendirian atau adanya sentuhan peribadi selaku ahli parlimen yang tidak dipengaruhi pihak lain termasuklah ahli pasukannya (parti) dan juga merapatkan diri dengan khalayak sasarannya.

Sementara itu, KGND jamak “kita” merupakan KGND yang kedua kerap dimanfaatkan oleh kedua-dua pewacana kerajaan dan pembangkang, iaitu berjumlah 842 kali yang bersamaan 43.7%. Kedua-dua pewacana turut dilihat hampir sama banyak memanfaatkan KGND “kita”, iaitu pembangkang sebanyak 424 kali penggunaan dan kerajaan pula sejumlah 418 kali. Namun demikian, terdapat perbezaan dalam penggunaan tersebut iaitu pewacana pembangkang lebih banyak memanfaatkan penggunaan KGND “kita” inklusif sebanyak 277 kali berbanding kerajaan yang hanya menggunakan KGND tersebut sebanyak 131 kali. Sebaliknya, pewacana kerajaan pula mendominasi penggunaan KGND “kita” eksklusif sebanyak 287 kali berbanding hanya 147 kali digunakan oleh pembangkang. Jelaslah dalam tinjauan awal kajian ini bahawa pewacana ahli parlimen pembangkang menyerlahkan sifat kekitaan dan kebersamaan dengan khalayak wacananya, termasuklah kebersamaannya dengan pihak kerajaan dan khalayak rakyat. Sifat keterangkuman sebegini oleh sesetengah ahli parlimen pembangkang adalah selari dengan pengalaman dan kebiasaan mereka yang pernah menduduki kerusi pemerintah dan mendampingi rakyat sebelum era Malaysia Baharu. Kerajaan pula lebih menyerlahkan sifat kepartian di parlimen yang secara tidak langsung cuba mengukuhkan kedudukan parti mereka sebagai pemerintah yang baharu dalam era Parlimen Malaysia Baharu ketika itu. Jelaslah, kajian ini berupaya menjelaskan bahawa penggunaan KGND dalam wacana para perwakilan yang baharu di parlimen bukan hanya berfungsi sebagai perujukan diri semata-mata dalam interaksi sosial, tetapi turut merefleksikan identiti diri dan kumpulan pewacana yang diwakili.

KGND jamak “kami” turut dimanfaatkan oleh kedua-dua pewacana kerajaan dan pembangkang, namun kemunculannya tidak banyak, iaitu hanya 50 kali. Daripada jumlah tersebut, pewacana pembangkang mendominasi penggunaan KGND tersebut dengan kekerapan sebanyak 36 kali, manakala kerajaan hanya 14 kali. Dalam konteks interaksi politik, penggunaan “kami” yang diwacanakan oleh pembangkang adalah untuk merujuk kebersamaan pewacana dengan kumpulan partinya sahaja dan kebersamaan pewacana dengan rakyat atau kawasan yang diwakilinya sahaja. KGND “kami” yang dimanfaatkan adalah secara eksplisit merujuk diri pewacana dan kebersamaannya dengan pihak yang diwakilinya, namun secara jelas menyisihkan pihak yang dilawan interaksi.

Jelas dalam kajian ini, KGND yang lebih banyak dimanfaatkan oleh kedua-dua pihak perwakilan kerusi parlimen ialah KGND tunggal “saya”, diikuti kata jamak “kita” dan hanya sedikit kata rujukan jamak “kami”. Keadaan ini secara tidak langsung memperlihatkan perwatakan para pemimpin perwakilan yang baharu terpilih menjadi wakil rakyat mahupun ahli parlimen di Dewan Rakyat lebih bersifat serlahan diri secara individu walaupun mewakili kumpulan masing-masing di parlimen. Hal ini dilihat sesuai dengan situasi masing-masing yang baharu dipilih dalam Pilihan Raya Umum (PRU) ke-14 yang lalu, cuba menonjolkan imej diri yang belum berasimilasi sepenuhnya dengan ahli-ahli kumpulan yang turut dikejutkan dengan proses transisi kuasa politik di parlimen. Maka, setiap daripada mereka sudah pastinya mempunyai impian dan matlamat politik yang berbeza-beza.

Rujukan

- Abdullah Hassan and Ainon Mohd. 2003. *Komunikasi untuk pemimpin*. Bentong: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.
- Asmah Haji Omar. 2015. *Nahu Melayu mutakhir edisi kelima*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____. 2003. Power relations in parliamentary debates. In *Language and empowerment*, 38–51. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Bayley, P. 2004. Introduction: The whys and wherefores of analysing parliamentary discourse. In *Cross-cultural perspectives on parliamentary discourse*, ed. P. Bayley, 1–44. Amsterdam: John Benjamins.
- Cheng, J.E. 2015. Islamophobia, muslimophobia or racism? Parliamentary discourses on Islam and Muslims in debates on the minaret ban in Switzerland. *Discourse and Society* 26(5): 562–586. <https://doi.org/10.1177/0957926515581157>
- Dayang Sariah Abang Suhai, Kesumawati Abu Bakar and Norsimah Mat Awal. 2020. Modaliti dalam wacana perbincangan parlimen. *GEMA Online® Journal of Language Studies* 20(4): 186–208. <https://doi.org/10.17576/gema-2020-2004-11>

- Every, D. and Augoustinos, M. 2007. Constructions of racism in the Australian parliamentary debates on asylum seekers. *Discourse and Society* 18(4): 411–436. <https://doi.org/10.1177/0957926507077427>
- Fairclough, N. 2003. *Analysing discourse: Textual analysis for social research*. London: Routledge
- _____. 1995. *Critical discourse analysis: The critical study of language*. London: Longman.
- _____. 1992. *Discourse and social change*. Cambridge: Polity Press.
- _____. 1989. *Language and power*. London: Longman.
- Harshita Aini Haroon, Noor Asliza Abdul Rahim, Noriha Basir and Zaliza Zubir. 2020. Lakuan ilokusi ucapan Zahid Hamidi dalam PAU 2017 dan 2018. *GEMA Online® Journal of Language Studies* 20(2): 96–114. <https://doi.org/10.17576/gema-2020-2002-06>
- Idris Aman. 2014. Manifesto pilihan raya dan prestasi parti politik utama Malaysia dalam Pilihan Raya Umum ke-13: Suatu analisis linguistik. *GEOGRAFIA Online Malaysian Journal of Society and Space* 10(2): 65–82.
- _____. 2011. Mengurus wacana dan kepimpinan: Analisis ucapan sulung Perdana Menteri Malaysia keenam. *Jurnal Bahasa* 11(2): 235–272.
- _____. 2010. *Analisis wacana*. Selangor, Malaysia: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ilie, C. 2010. Identity co-construction in parliamentary discourse practices. In *European parliaments under scrutiny: Discourse strategies and interaction practices*, 57–78. Philadelphia: John Benjamins Publishing Company.
- Kim, H.T., Imran Ho Abdullah, Nur Azureen Zulkifli and Shamirr Muhammad Mohd Shukor. 2017. Trend penggunaan bahasa samar dalam persidangan Parlimen Malaysia. *GEMA Online® Journal of Language Studies* 17(4): 84–100. <https://doi.org/10.17576/gema-2017-1704-06>
- Kirkwood, S. 2017. The humanization of refugees: A discourse analysis of UK Parliamentary debates on the European refugee “crisis”. *Journal of Community and Applied Social Psychology* 27(2): 115–125. <https://doi.org/10.1002/casp.2298>
- Muhammad Faizul Abd Hamid and Mohd Azidan Abdul Jabar. 2020. Penghuraian strategi wacana teks ucapan Belanjawan 2019. *GEMA Online® Journal of Language Studies* 20(2): 244–263. <https://doi.org/10.17576/gema-2020-2002-14>
- Muhamad Fuzi Omar. 2008. Parliamentary behavior of the members of opposition political parties in Malaysia. *Intellectual Discourse* 16(1): 21–48.
- Parlimen Malaysia. 2018. <https://www.parlimen.gov.my/> (accessed 20 November 2018).
- Rohaidah Haron, Madiawati Mamat@Mustaffa and Maizira Abdul Majid. 2019. Pembinaan identiti kepimpinan dalam wacana politik. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication* 35(4): 386–407. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2019-3504-24>
- Tsakona, V. 2012. Linguistic creativity and institutional design: The case of Greek parliamentary discourse. *Byzantine and Modern Greek Studies* 36(1): 91–109.
- Vukovic, M. 2012. Positioning in pre-prepared and spontaneous parliamentary discourse: Choice of person in the Parliament of Montenegro. *Discourse and Society* 23(2): 184–202. <https://doi.org/10.1177/0957926511431507>

- Yoong, D. 2011. Orderly and disorderly practices of personal pronouns during Question Time in the Malaysian House of Representatives. *Journal of Modern Languages* 21(1): 33–47.
- _____. 2010. Orderliness and disorderliness of interaction during question time in the Malaysian House of Representatives. PhD diss., La Trobe University.